



### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai Sebut Harga berikut:

Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga	Taklimat Sebut Harga
<b>SEBUT HARGA PENYELENGGARAAN SISTEM IP PBX BERNAMA</b>  <b>NO. RUJUKAN : BER/SH/10/2024</b>	<b>210202, 210203, dan 220503</b>	<b>12 November 2024 (Selasa) jam 12.00 tengah hari</b>  Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	<b>05 November 2024 (Selasa)</b>  <b>Kehadiran digalakkan</b>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **05 November 2024 (Selasa)** di laman web portal Myvendor BERNAMA. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login> bagi sebutharga ini.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 05 November 2024 (Selasa)  
 Masa : 02.30 Petang  
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (**Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut harga**) dan diemlkan kepada Urus Setia Perolehan seperti di atas selewat-lewatnya sebelum **05 November 2024 (Selasa)**.

**Syarikat wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.**

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tersebut secara atas talian di laman web myvendor BERNAMA **dan** secara manual dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 12 November 2024 (Selasa)** di alamat berikut:

**Bahagian Perolehan  
Tingkat 6, Wisma BERNAMA  
28, Jalan BERNAMA,  
Off Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur  
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)**

**No Tel** : 03-2631 1685  
**E-mel** : [haniiah.ahya@bernama.com](mailto:haniiah.ahya@bernama.com)

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebut Harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.